

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan alasan Malaysia memeterai perjanjian dengan Washington untuk membeli 12 dron tidak bersenjata yang bernilai kira-kira AS\$19 juta. Apakah pembelian itu keutamaan berdasarkan keperluan pertahanan negara sekarang.

JAWAPAN

Malaysia tidak memeterai perjanjian dengan Washington untuk membeli 12 dron tidak bersenjata yang bernilai kira-kira AS\$19 juta. Pihak Amerika Syarikat melalui program *Maritime Security Initiative* (MSI) telah menawarkan bantuan dalam bentuk keupayaan (aset) dan kapasiti (latihan) kepada negara-negara rakan termasuk Malaysia bagi meningkatkan *Maritime Domain Awareness* (MDA) di rantau Asia Tenggara. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak Amerika Syarikat.

UAV yang bakal diterima ini akan bertindak sebagai *gap-filler* untuk digunakan dalam menjalankan operasi *intelligence, surveillance dan reconnaissance* (ISR) dalam membuat pengawasan maritim sementara Kementerian Pertahanan membuat perolehan *Maritime Patrol Aircraft* (MPA) dan *Medium Altitude Long Endurance Unmanned Airborne System* (MALE UAS) yang akan disempurnakan dalam RMK-12.

Perkara ini juga telah dijelaskan oleh pihak Kementerian Pertahanan melalui kenyataan akhbar pada 7 Jun 2019.